



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2022

PERATURAN MENAMAKAN BANGUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

JABATAN PERDANA MENTERI

30 September 2022

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan



**JABATAN PERDANA MENTERI
KOMPLEKS SETIA PERDANA
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA**

Telefon : 03-8000 8000
Faks : 03-8890 2429
Laman Web : <http://www.istiadat.gov.my>

Ruj. Kami : BIUPA.200-10/2-1 Jld. 2 (5)
Tarikh : 30 September 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2022

**PERATURAN MENAMAKAN
BANGUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

TUJUAN

Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk menetapkan peraturan bagi menamakan bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan.

TAFSIRAN

2. Tafsiran bagi maksud Surat Pekeliling Am ini adalah seperti berikut:

2.1 Bangunan Kerajaan Persekutuan

Bermaksud kompleks/bangunan pejabat atau sebahagian daripadanya yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan. Bangunan-bangunan persendirian yang disewakan kepada jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan adalah tidak termasuk dalam tafsiran ini.

2.2 Pembesar

Merujuk kepada orang kenamaan dalam sistem pembesar pemerintahan raja-raja.

2.3 Pemimpin Negara

Bermaksud Anggota Pentadbiran Persekutuan sama ada yang sedang berkhidmat atau pernah dilantik sebelum ini.

2.4 Individu Berpengaruh

Bermaksud individu yang mempunyai kedudukan dalam Kerajaan atau hubungan dengan pihak-pihak berkuasa, ahli-ahli politik, orang kenamaan (bukan pembesar) dan lain-lain.

LATAR BELAKANG

3. Pada masa ini terdapat 3 Surat Pekeliling Am, Jabatan Perdana Menteri yang telah dikeluarkan iaitu Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 1983 bertarikh 26 Februari 1983, Surat Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 1984 bertarikh 22 Mei 1984 dan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 1988 bertarikh 30 Januari 1988. Surat-surat Pekeliling Am tersebut dikeluarkan untuk memberi penjelasan mengenai peraturan yang perlu dipatuhi bagi menamakan bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan dan tempat-tempat awam sama ada di peringkat persekutuan, negeri atau daerah.

PELAKSANAAN

4. Melalui Surat Pekeliling Am ini, adalah ditetapkan bahawa semua kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan yang hendak menamakan bangunan Kerajaan Persekutuan atau menamakan semula bangunan Kerajaan Persekutuan perlu mengikuti dan mematuhi peraturan-peraturan berikut:

- 4.1 Nama-nama Duli Yang Maha Mulia Raja-raja yang masih hidup atau telah mangkat boleh digunakan;
- 4.2 Nama-nama pembesar/pemimpin Negara/individu berpengaruh yang telah meninggal dunia sahaja yang boleh digunakan. Nama-nama tersebut hendaklah mempunyai kaitan dengan bangunan Kerajaan Persekutuan; dan

- 4.3 Penggunaan nama-nama lain selain daripada yang dinyatakan di perenggan 4.1 dan 4.2 juga boleh digunakan. Contohnya seperti nama tumbuhan, bunga, buah-buahan, haiwan atau nama-nama lain yang sesuai.

Penamaan bangunan Kerajaan Persekutuan adalah dilaksanakan berdasarkan justifikasi yang khusus sahaja dan tidak semestinya semua bangunan Kerajaan Persekutuan perlu dinamakan.

TATACARA PENAMAAN

5. Tatacara bagi cadangan menamakan bangunan Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

5.1 CADANGAN PENAMAAN YANG MEMERLUKAN PENYEDIAAN MEMORANDUM JEMAAH MENTERI

- 5.1.1 Kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan perlu mendapat persetujuan cadangan penamaan daripada Menteri di Kementerian yang berkenaan;
- 5.1.2 Memorandum Jemaah Menteri berhubung dengan cadangan penamaan tersebut hendaklah disediakan dan diedarkan kepada Jabatan Perdana Menteri dan kementerian-kementerian yang berkaitan untuk mendapatkan ulasan sekiranya cadangan penamaan tersebut bersempena nama raja-raja Melayu, pembesar dan pemimpin Negara;

5.1.3 Seterusnya, Memorandum Jemaah Menteri perlu dibentangkan oleh Kementerian yang berkenaan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri; dan

5.1.4 Setelah diluluskan, pihak Kementerian perlu mendapatkan keizinan penggunaan nama daripada orang yang berkenaan/waris.

Carta alir tatacara penamaan adalah seperti di **Lampiran A**.

5.2 CADANGAN PENAMAAN YANG MEMERLUKAN PENYEDIAAN KERTAS PERTIMBANGAN

5.2.1 Bagi cadangan penamaan yang melibatkan nama individu selain daripada nama raja-raja Melayu, pembesar dan pemimpin Negara, kertas cadangan hendaklah disediakan dan dihantar kepada Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri untuk dipertimbangkan.

5.3 CADANGAN PENAMAAN YANG BOLEH DILULUSKAN TERUS DI PERINGKAT KEMENTERIAN

5.3.1 Cadangan bagi menamakan sekolah rendah dan sekolah menengah boleh diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan; dan

- 5.3.2 Cadangan penamaan yang melibatkan kenyataan seperti di perenggan 4.3 boleh diluluskan oleh pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian.

TARIKH KUAT KUASA

6. Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

7. Surat Pekeliling Am ini adalah terpakai bagi semua kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan.

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Am ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Am ini, Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 1983, Surat Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 1984 dan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 1988 adalah dibatalkan.

PERTANYAAN

10. Sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling Am ini boleh berhubung dengan:

Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa
Jabatan Perdana Menteri
Aras 5 - 6, Setia Perdana 3
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA, MALAYSIA

No. Tel. : 03-8000 8000
No. Faks : 03-8890 2429
Emel : webadmin@istiadat.gov.my

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI)
Ketua Setiausaha Negara

30 September 2022

CARTA ALIR TATACARA PENAMAAN BANGUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

